



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - BNM Ketatkan Peraturan Pembiayaan Perumahan Tepat](#)

Utusan Malaysia - BNM Ketatkan Peraturan Pembiayaan Perumahan Tepat

🕒 Jumaat, Mei 12 2017



BNM ketatkan peraturan pembiayaan perumahan tepat

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 12 Mei - Langkah Bank Negara Malaysia (BNM) mengemukakan peraturan bagi pembiayaan perumahan sewajarnya dilihat dari sudut positif oleh semua pihak terutama golongan profesional bidang hartanah seperti penilai, pentaksir dan ejen hartanah.

Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Othman Aziz berkata, tujuan utama sekatan tersebut dilakukan adalah untuk mengekang peningkatan harga perumahan yang semakin tinggi.

Katanya, golongan profesional bidang hartanah seharusnya melihat langkah tersebut secara positif kerana tindakan berkenaan amat penting kepada pembangunan hartanah.

"Harga hartanah yang semakin tinggi pada dasarnya dianggap berpunca daripada peningkatan pendapatan dan pembelian perumahan yang signifikan oleh warga tempatan dan asing yang mempunyai kuasa pembelian.

"Langkah yang diambil kerajaan tepat pada masanya bagi menangani masalah ketidakseimbangan terutamanya pembeli pertama tidak akan berdepan masalah untuk memohon pinjaman perumahan,"



OTHMAN AZIZ (tiga dari kanan) dan Dr. Rahah Ismail (kanan) hadir ke majlis penyampaian sijil dan anugerah Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ROY AZIS ABD. AZIZ

katanya dalam Majlis Penyampaian Sijil dan Anugerah Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah (BOVAEA) di sini malam ini.

Yang turut hadir Presiden BOVAEA, Dr. Rahah Ismail; Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Polisi Strategik), Nordin Daharom dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi), Dr. Zailan Isa.

Beliau kemudiannya menyampaikan Diploma Perejean Hartanah kepada 78 pelajar yang

mengambil kursus berkenaan dengan BOVAEA selain penyampaian sijil pendaftaran penilai dan ejen hartanah masing-masing seramai 36 dan 28 orang.

Dalam pada itu, Othman berkata, kerajaan berharap lebih ramai golongan profesional dalam bidang hartanah dapat dilahirkan bagi menghadapi cabaran persekitaran sektor hartanah yang semakin dinamik.

Katanya, peranan golongan profesional bidang hartanah seperti penilai, pentaksir dan ejen hartanah amat penting kepada ekono-

mi negara di samping mengembangkan pasaran hartanah.

"Namun begitu, golongan bertauliah ini perlu diingatkan supaya sentiasa mempunyai kadar profesionalisme dan integriti yang tinggi serta mengikut peraturan yang telah ditetapkan BOVAEA.

"Golongan profesional ini juga seharusnya bersedia dan mempersiapkan diri dengan kepakaran, amalan standard, maklumat dan sumber bersesuaian bagi meneroka lebih banyak peluang di dalam dan luar negara," katanya.

UTUSAN 12/5

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **22 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**